

10 NOV 1999

SAFUAN-AFRIKA SELATAN

SAFUAN & RAKAN KONGSI AFRIKA SELATAN AKAN BANGUNKAN BANDAR BARU SOWETO

Oleh: Tham Choy Lin

JOHANNESBURG, 10 Nov (Bernama) -- Konglomerat pembinaan Malaysia Safuan Group hari ini dengan rasmi diberikan kontrak usaha sama bernilai 836 juta rand (RM1=1.6 rand) untuk membina bandar baru bagi 40,000 penduduk di Soweto.

Kontrak itu diberikan melalui anak syarikatnya, Safuan Group International Ltd, dan rakan kongsi tempatan Sam Sisonke (Pty) Ltd di sini.

Safuan dan Sam Sisonke akan membangunkan lima daripada enam daerah projek Baralink itu yang akan menghubungkan kawasan sesak orang hitam miskin dengan Johannesburg selatan.

Keseluruhan projek meliputi 1,200 hektar (3,000 ekar) itu dijadual untuk pelaksanaan dalam masa 33 bulan dengan Safuan mengadakan sebahagian besar pembiayaan dan subsidi 160 juta rand daripada kerajaan Afrika Selatan.

Pemberian projek dan pelancarannya disaksikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beberapa anggota majlis tempatan di Johannesburg.

Pengerusi eksekutif Safuan Group Datuk Matshah Safuan berkata Safuan adalah di antara 21 syarikat menawarkan untuk projek Baralink itu dan apabila siap, ia akan menjadi pekan yang pertama bersepadu sepenuhnya di Afrika Selatan.

"Sesungguhnya hari ini adalah satu hari bersejarah bagi Safuan Group International dan rakan kongsi usaha samanya Sam Sisonke untuk memulakan langkah pertama perhubungan sinergi dengan rakyat dan kerajaan Afrika Selatan melalui Majlis Tempatan Metropolitan Selatan dan Majlis Metropolitan Johannesburg Utama," kata Matshah.

Safuan Group telah menghabiskan setahun setengah bagi meletakkan asas bagi projek dimulai pada Mei 1998 apabila syarikat itu melawat Majlis Johannesburg utama atas undangan datuk bandar Johannesburg.

Matshah berkata keputusan untuk mengambil projek Baralink itu adalah disebabkan permintaan tinggi bagi perumahan kos rendah dan sederhana termampu, banyaknya buruh mahir di Afrika Selatan dan kepakaran Safuan Group dalam industri itu.

Projek Baralink itu akan bermula dengan daerah Elias Motsoaledi. Sejumlah 10,000 pangsapuri, 2,500 rumah berbandung, lebuhraya bagi syarikat perniagaan kecil, pasaraya, pusat masyarakat, sekolah, kemudahan sukan, kompleks kilang mini, pusat membeli-belah dan zon pembangunan industri kecil akan dibina.

Kawasan perumahan itu akan diurus selama tujuh tahun oleh Safuan Baralink South Africa (Pty) Ltd.

-- BERNAMA

TCL SHY OS